

Lebih 25,000 rakyat hadir jamuan teh

MUAR - Lebih 25,000 penduduk daerah ini, hadir memeriahkan Majlis Jamuan Teh Bersama Rakyat sempena ulang tahun Hari Keputeraan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar di Stadium Sultan Ibrahim di sini, semalam.

Majlis yang bermula jam 3 petang itu, berlangsung selama dua jam turut dihadiri isteri baginda, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah; Tunku Mahkota Johor; Tunku Ismail Sultan Ibrahim; Tunku Temenggong Johor; Tunku Idris Iskandar Sultan Ibrahim; bonda baginda, Yang Amat Mulia Enche' Besar Khalsom Abdullah; kerabat diraja Johor; Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman serta isteri.

Orang ramai mula membanjiri Stadium Sultan Ibrahim sekitar jam 2 petang untuk menyambut ketibaan baginda tuanku yang tiba di stadium itu kira-kira jam 3.15 petang bersama rombongan diraja.

Pada majlis tersebut, baginda dihiburkan pelbagai persembahan kebudayaan kaum negara ini.

Sebelum berangkat pulang, baginda meluangkan masa selama 30 minit untuk bersalaman dan bertemu dengan rakyat jelata yang hadir pada majlis berkenaan.

Terdapat lebih 100 gerai yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan sektor korporat menyediakan pelbagai aneka makanan untuk diberikan makanan percuma kepada rakyat

yang hadir pada majlis berkenaan.

Pesara kerajaan, Eliza Abd Kadir, 51, berkata, dia berasa gembira apabila baginda sultan berkenan memilih dan mengisytiharkan daerah ini sebagai Bandar Diraja.

Menurutnya, sudah pasti daerah ini mempunyai kelebihan tersendiri sehingga mendorong baginda sultan memilih daerah ini sebagai Bandar Diraja, secara tidak langsung dapat melenyapkan panggilan bandar ini yang sebelum ini lebih dikenali sebagai bandar pencen.

"Hari ini adalah kali kedua saya dapat melihat sultan secara dekat. Kali pertama melihatnya semasa baginda merasmikan malam tujuh lekori di Jalan Daud, dua tahun lalu.



Sultan Ibrahim diiringi Raja Zarith Sofiah berkenan memotong kek ulang tahun keputeraan baginda pada Majlis Jamuan Teh Bersama Rakyat di Stadium Sultan Ibrahim, semalam.